

# KLIA, LCCT dihubung landasan

Kemudahan pertingkat sistem pengangkutan, pendek waktu perjalanan

Oleh Shamshul Azree Samshir

**P**UTRAJAYA: Kerajaan bersetuju menyambung perkhidmatan rel antara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Terminal Penerbangan Tambang Murah (LCCT) bagi meningkatkan sistem pengangkutan antara dua terminal itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata perkhidmatan rel antara KLIA dan LCCT dijangka memendekkan waktu perjalanan kepada 11 minit berbanding 20 minit menggunakan bas.

"Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy sudah memaklumkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengangkutan bahawa Kementerian menerima banyak rungutan daripada pengguna," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di sini, semalam.

Sebelum ini, Express Rail Link Sdn

Bhd (ERL) dilaporkan masih menunggu keputusan kerajaan untuk melaksanakan projek pembinaan rel yang menghubungkan KLIA dan LCCT.

Ketua Eksekutifnya, Dr Aminuddin Adnan dilaporkan berkata ERL yang kini mengendalikan perkhidmatan rel antara stesen Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) ke KLIA sudah mengemukakan cadangan kepada kerajaan, Mac lalu.

Pembinaan rel sepanjang 11 kilometer (km) dijangka mampu meningkatkan semula jumlah penumpang ERL yang merosot 20 peratus berikutan pembukaan LCCT.

Selain ERL, MTrans Technology Bhd dilaporkan sudah mengemukakan cadangan bagi membina sistem monorel antara KLIA dan LCCT.

Najib berkata, Unit Perancang Ekonomi (EPU) ditugaskan menyelaras kajian projek pembinaan rel KLIA-LCCT dengan pihak lain seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Selepas itu, model sesuai akan dibentangkan untuk dipertimbangkan jawatankuasa ini pada mesyuarat akan datang," katanya sambil menambah, antara isu yang perlu diperhalusi EPU termasuk soal pembiayaan.

Pada masa sama, Najib berkata, EPU diarah memperhalusi cadangan projek landasan kereta api elektrik berkembar Ipoh-Padang Besar yang akan dikendalikan menerusi inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

FAKTA NOMBOR

Rel KLIA - LCCT

11km

Panjang rel

11

Minit waktu perjalanan